

Lesotho mohon Malaysia latih polis

Oleh Syuhada Choo Abdullah

choo@bharian.com.my

2011/05/06



NAJIB menerima kunjungan Mosisili di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

KL sedia beri kerjasama dalam bidang latihan, pembangunan modal insan

PUTRAJAYA: Lesotho sangat berminat untuk terus mendapatkan sokongan Malaysia dalam bidang latihan dan pembangunan modal insannya, dengan mengemukakan permintaan khusus kepada Perdana Menteri semalam supaya negara ini bekerjasama melatih pegawai polis serta diplomat mereka.

Perkara itu disuarakan oleh Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Mosisili, dalam perbincangan dua hala bersama Datuk Seri Najib Razak di Bangunan Perdana Putra di sini, sempena lawatan rasmi pemimpin berkenaan ke Malaysia.

Pada sidang media bersama kedua-dua pemimpin berkenaan selepas itu, Najib berkata, Mosisili meminta Malaysia melatih pegawai polis di Lesotho, terutama dalam bidang ketenteraman dan keselamatan awam, sekali gus meningkatkan keupayaan pasukan mereka.

“Saya dengan sukacita memaklumkan Perdana Menteri (Mosisili) bahawa kerajaan Malaysia bersedia untuk menyokong permintaan itu dengan menghantar beberapa jurulatih (polis) kita, dan program latihan ini akan bermula dalam waktu terdekat.

“Perdana Menteri (Mosisili) juga meminta kita (Malaysia) melatih beberapa diplomat mereka. Program latihan di IDFR (Institut Diplomasi dan Hubungan Luar) di Malaysia akan bermula pada Oktober depan dan Lesotho dialu-alukan untuk menghantar beberapa diplomat mereka untuk menyertainya,” katanya.

Ini adalah lawatan rasmi Mosisili bersama isteri, Mathato Mosisili, yang pertama kalinya ke Malaysia walaupun beliau pernah menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi sebanyak tiga kali. Setakat ini, Najib berkata, seramai 94 pegawai dari Lesotho sudah menjalani pelbagai jenis latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan ia akan diteruskan pada masa depan.

Dalam pada itu, beliau berkata, ada dua inisiatif sektor swasta Malaysia dengan Lesotho ketika ini, iaitu penubuhan kampus cawangan Universiti Limkokwing di negara berkenaan serta pelantikan Iris Corporation Bhd yang mempunyai kapasiti menghasilkan pasport dan kad pengenalan canggih.

“Kampus cawangan Universiti Limkokwing di Lesotho bakal dinaik taraf untuk meliputi sebuah pusat digital. Pada masa sama, beberapa pelajar dari Lesotho juga sedang mengikuti pelbagai kursus di Universiti Limkokwing di Malaysia,” katanya.

Sambil menyifatkan perbincangan kedua-dua pemimpin itu sebagai amat menarik dan berhasil dengan menerokai bidang baru tertentu kerjasama dua hala, Najib turut berharap sektor swasta Malaysia akan meneliti peluang pelaburan di Lesotho, terutama dalam industri sumber air.

Sementara itu, Mosisili berkata, Lesotho menekankan pembangunan modal insan kerana rakyat adalah sumber terbaik bagi mana-mana negara, justeru aspek berkenaan turut diberi perhatian dalam menjalinkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang erat serta kukuh bersama Malaysia.

Beliau berkata, pihaknya juga kagum dengan kejayaan Malaysia menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi global dengan tidak mengalami kesan yang seteruk banyak negara lain di dunia.

“Kami percaya ini adalah atas keupayaan kerajaan dan sektor swasta anda (Malaysia) untuk mengekalkan ekonomi yang berdaya maju serta disiplin. Kami boleh belajar daripada anda,” katanya sambil memuji keramahan masyarakat negara ini.

Selain itu, Mosisili berkata, negara berkenaan adalah destinasi pelaburan yang menarik kepada sektor swasta Malaysia, terutama dalam industri sumber air yang disifatkan sebagai ‘emas putih’ di Lesotho.